



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

PROGRAM

**KEM KAPTEN KELUARGA
BERSEMPENA SAMBUTAN HARI BAPA 2025**

LOKASI / TARIKH / MASA

**DAMAI ESCAPE PARK, SANTUBONG
15 JUN 2025 (AHAD)
11.30 PAGI**

Kemas kini 14 Jun 2025

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Kekeluargaan, Salam Sarawakku Sayang,
dan Salam Malaysia MADANI.

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

1. **Alhamdulillah**, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama berkumpul dalam suasana yang cukup indah, dikelilingi oleh alam semula jadi dan penuh dengan kasih sayang. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Bapa kepada semua ayah di seluruh negara.

2. Pertama sekali, terima kasih saya ucapkan kepada LPPKN atas penganjuran **Kem Kapten Keluarga** ini. Ia bukan sekadar aktiviti hujung minggu — tetapi ruang bermakna untuk mengeratkan hubungan dan mencipta kenangan antara ayah dan anak. Kali ini, fokus diberikan kepada ayah dan anak lelaki. Insya-Allah, pengalaman ini akan menjadi detik istimewa yang kekal dalam ingatan.

PERANAN DAN CABARAN GOLONGAN BAPA

3. Ayah mungkin tidak selalu meluah kata, tapi percayalah — dalam diamnya ada cinta, dalam tindakannya ada doa. Dunia hari ini semakin mencabar, dan ayah juga memerlukan ruang untuk menjadi pendengar, pendidik, dan pelindung dalam erti yang lebih luas.

4. Peranan seorang ayah sentiasa dihargai dalam masyarakat kita — bukan hanya di rumah, tetapi juga dalam komuniti. Dari jawatankuasa kampung, ke upacara adat dan kepimpinan belia, ayah sering menjadi pemimpin yang tenang tetapi berpengaruh — jasanya besar walau jarang disebut.

5. Tinjauan Hari Bapa 2024 menunjukkan 9 daripada 10 bapa mengakui bahawa menjadi ayah hari ini lebih mencabar. Kos sara hidup, tekanan kerja, dan masa yang terhad — semuanya yang sering kali tidak terlihat oleh mata kasar.
6. Ramai bapa memikul tekanan dalam diam, membahagikan masa antara kerja dan keluarga. Dalam dunia digital pula, mereka turut memikul tanggungjawab menjadi contoh dan membimbing anak-anak menghadapi cabaran dunia maya yang penuh risiko.

7. Justeru, **modul PEKA** dan **KASIH Keibubapaan Digital** yang dibangunkan oleh LPPKN amat penting pada masa ini. Modul PEKA (Perkasa Keibubapaan) membantu ibu bapa membina kemahiran asas seperti komunikasi, pengurusan emosi dan disiplin positif.

8. Manakala modul KASIH Keibubapaan Digital memberi panduan tentang keselamatan siber, kawalan skrin dan etika dalam penggunaan teknologi. Kedua-dua modul ini direka untuk memperkasakan ibu bapa, khususnya bapa, agar lebih bersedia membimbing anak-anak dalam dunia digital yang mencabar.

KEM KAPTEN KELUARGA: MENGUKUH HUBUNGAN AYAH DAN ANAK

9. Hubungan ayah dan anak lelaki sangat istimewa. Seorang ayah menjadi cerminan masa depan — membentuk nilai, keperibadian dan tanggungjawab anaknya. Tema "Ayahku, Kapten Keluarga" sangat tepat kerana anak lelaki cenderung meniru kepimpinan dan sikap ayah mereka.

10. Sebab itu penting untuk wujudkan komunikasi yang terbuka dan positif. Kem ini memberi ruang untuk ayah dan anak saling mengenali bukan sekadar sebagai keluarga, tetapi sebagai insan yang sama-sama belajar dan berkembang.
11. Saya difahamkan pelbagai sesi menarik seperti "Kenal Ayah, Kenali Anakmu", "Bicara Hati, Mendengar Emosi" dan "Legasi Bapa, Mandiri Anak" telah disusun. Bukan saja menyeronokkan, tapi penuh nilai dan pengajaran.

12. Saya tertarik dengan aktiviti outdoor seperti "Eksplorasi KASIH Keluarga" — lima checkpoint, pelukan 10 saat, dan ganjaran bahan masakan untuk sesi hi-tea bersama. Ini sangat kreatif dan menyentuh hati.
13. Saya percaya, bila kita bina keluarga yang kukuh, kita juga sedang membina masyarakat yang sejahtera. Program seperti ini bukan saja menguatkan hubungan, tetapi juga satu bentuk pelaburan sosial yang memberi impak jangka panjang.

PENUTUP

14. Kepada para bapa, teruslah menjadi pelindung, pendidik, dan sahabat kepada anak-anak. Moga kem ini menjadi pemula kepada hubungan yang lebih mesra dan bermakna.
15. Terima kasih kepada semua peserta, urusetia, rakan strategik dan media. Anda semua adalah sebahagian penting dalam menjayakan program kekeluargaan seperti ini.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan **Kem Kapten Keluarga** sebagai permulaan rasmi **Sambutan Hari Bapa Peringkat Kebangsaan Tahun 2025**.

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
15 Jun 2025